

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai GLC dan GLIC di mana lantikan politik telah dibuat sejak 2 Mac 2020 dan bagaimana lantikan ini akan membantu keberkesanan dan profesionalisme badan-badan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Julai 2020, lantikan politik telah dibuat dalam Lembaga Pengarah bagi 17 buah syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] seperti senarai berikut:

BIL.	SYARIKAT MKD
1.	Amanah Raya Berhad
2.	FELCRA Berhad
3.	Indah Water Konsortium Sdn Bhd
4.	Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad

BIL.	SYARIKAT MKD
5.	JKP Sdn Bhd
6.	Khazanah Nasional Berhad
7.	Padiberas Nasional Berhad
8.	Pengurusan Aset Air Berhad
9.	Perbadanan Nasional Berhad
10.	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
11.	Prasarana Malaysia Berhad
12.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd
13.	Syarikat Perumahan Negara Berhad
14.	Tenaga Nasional Berhad
15.	UDA Holdings Berhad
16.	Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera
17.	Yayasan Pelaburan Bumiputera

Ahli politik adalah dilantik berdasarkan kepada kemampuan serta kepakaran masing-masing dan mengambil kira keperluan syarikat itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah syarikat berkenaan beroperasi pada tahap yang optimum. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) syarikat MKD disuaipadankan berdasarkan keperluan setiap syarikat MKD dengan mengambil kira latar belakang dan kebolehan seseorang individu daripada pelbagai sudut bagi menganggotai Lembaga Pengarah syarikat MKD.

NO SOALAN : 60

Justeru itu, ahli politik yang berkelayakan atau memenuhi kriteria *fit and proper* sahaja yang dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat MKD. Ini adalah salah satu cara untuk meningkatkan keupayaan barisan kepimpinan ALP syarikat MKD dengan memperluaskan serta mempelbagaikan lagi komposisi ahli-ahlinya daripada segi kemampuan, kepakaran dan pengalaman.

Pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan adalah penting bagi memastikan *the right person with the right skills* (dengan izin) dipilih bagi memantapkan struktur Lembaga Pengarah syarikat. Disamping itu, penekanan juga akan diberikan kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek-aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Sekian, terima kasih.